

B/H 24/10/2009

INFO

Pembangunan tanah

- Konsortium usaha sama antara Fama, Felcra dan Felda akan ditubuhkan pada akhir tahun ini dengan modal berbayar RM300 juta, iaitu RM100 juta daripada setiap agensi berkenaan.
- Konsortium akan terbabit dalam perkongsian teknologi, pengurusan perladangan, kerjasama perniagaan termasuk aktiviti pembekalan dan pemrosesan keluaran pertanian.
- Felda akan menjadi gedung makanan negara yang mampu mengeluarkan hasil tanaman berskala besar dan Fama membantu memasarkan hasil tanaman.
- Usaha penambahbaikan kemudahan kargo juga akan dipertingkatkan bagi memastikan hasil pertanian negara dipasarkan ke luar negara dengan lebih cekap dan cepat.

INFO

Pengurusan alam sekitar

# RM2 bilion bantu sara hidup petani, nelayan

## Infrastruktur pengairan di naik taraf, akuakultur dipermoden

**K**UALA LUMPUR: Kerajaan memperuntukkan RM6 bilion bagi memperkasa sektor pertanian yang banyak memberi sumbangan kepada ekonomi negara yang antaranya akan digunakan untuk menaik taraf dan membaik pulih infrastruktur pengairan, memodenkan akuakultur dan sebagainya.

Golongan petani dan nelayan juga tidak dilupakan menerusi peruntukan RM2 bilion dalam bentuk subsidi, insentif dan bantuan sara hidup. Daripada jumlah itu RM170 juta untuk sara hidup dan insentif nelayan.

Selain itu, kerajaan akan menyediakan subsidi, insentif dan bantuan berjumlah hampir RM2 bilion kepada petani dan nelayan, termasuk subsidi harga padi lebih RM100 juta dan subsidi lain.



PERUNTUKAN besar dalam sektor pertanian mampu membina asas kekuatan ekonomi negara.

REAKSI

### Peruntukan petani dan nelayan



“*Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi perhatian kepada bidang pertanian yang kita lihat mesti diberi tumpuan, dan tahun ini membabitkan banyak peningkatan peruntukan*”

Datuk Seri Noh Omar

RM400 juta dan subsidi baja padi hampir RM300 juta.

Strategi lain ialah:

- Menaik taraf dan membaik pulih sistem infrastruktur pengairan dan saliran dalam dan luar jelapang padi kepada seramai 180,000 petani dengan peruntukan sejumlah RM137 juta.

- RM70 juta diperuntukkan bagi melaksanakan projek Empangan Paya Peda di Terengganu bagi meningkatkan keupayaan bekalan air

#### FAKTA NOMBOR

## RM6 bilion

diperuntuk bagi perkara  
sektor pertanian


Skim Pengairan Padi daerah Besut.

- RM82 juta diagihkan kepada lebih 1,150 peserta dalam memodenkan industri akuakultur serta melaksanakan skim latihan pengusaha dan penternak akuakultur.

- RM149 juta bagi industri tanaman makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, perladangan organik, herba, rumpai laut dan sarang burung layang-layang.

- RM58 juta untuk membangunkan prasarana keperluan asas ladang ternakan dan mewujudkan rantaian bekalan dalam industri pengeluaran daging lembu dan kambing.

- RM220 juta insentif peningkatan, pengeluaran hasil padi dan subsidi beras RM220 juta.



**GOLONGAN** nelayan banyak memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

“Peruntukan RM170 juta ini adalah berpatutan dan sangat membantu nelayan yang memerlukan bantuan terutama ketika cuaca tidak menentu”

**Datuk Mustafa Ahmad**

Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

“Langkah kerajaan yang menyediakan subsidi RM2 bilion kepada nelayan dan petani menunjukkan kesungguhan untuk membantu golongan ini yang banyak menyumbang kepada ekonomi negara”

**Datuk Mohamed Shariff Abdul Aziz**

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMSA)

## RM1.5b insentif galak teknologi hijau

**S**EBANYAK RM1.5 bilion disediakan untuk dana khas bagi menggalakkan penggunaan teknologi hijau, termasuk pinjaman kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi di samping memberi pengecualian cukai dan duti setem kepada pemilik dan pembeli bangunan atau kediaman hijau.

Menerusi dana khas yang boleh dimohon mulai 1 Januari 2010 melalui Pusat Teknologi Hijau Negara, sv-

kat pengeluar teknologi hijau boleh membuat pinjaman maksimum sebanyak RM50 juta, manakala syarikat pengguna dibenarkan membuat pinjaman sebanyak RM10 juta.

Menerusi skim yang dijangka memberi faedah kepada lebih 140 syarikat itu, kerajaan akan menanggung dua peratus daripada jumlah kadar faedah dengan nisbah jaminan kerajaan 60 peratus dan institusi perbankan 40 peratus.

#### INFO

### Strategi galak teknologi hijau

- Pemilik bangunan yang memperoleh Sijil Green Building Index (GBI) mulai 24 Oktober 2009 hingga 31 Disember 2014 diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan kos tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan.
- Pembeli yang membeli bangunan dan rumah

kediaman yang memperoleh Sijil GBI diberi pengecualian duti setem surat cara pindah milik. Amaun pengecualian adalah bersamaan kos tambahan bagi memperoleh sijil berkenaan. Pengecualian layak bagi pembeli yang menyempurnakan perjanjian jual beli mulai 24 Oktober 2009 hingga 31 Disember 2014.

■ Menstruktur semula Pusat Tenaga Malaysia sebagai Pusat Teknologi Hijau Negara dengan tanggungjawab menyediakan pelan tindakan pembangunan teknologi hijau. Pusat ini berperanan sebagai focal point untuk menetapkan piawaian dan mempromosi teknologi hijau.

■ Menganjurkan pameran antarabangsa mengenai teknologi hijau pada April 2010 dan dijangka dapat menarik syarikat terkemuka dunia dan pakar dalam bidang teknologi hijau.

■ Menjadikan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai Bandar Teknologi Hijau yang akan menjadi pelopor kepada pembangunan bandar lain.

■ Memberi keutamaan kepada barangan dan perkhidmatan yang mesra alam sekitar dan mematuhi standard produk teknologi hijau dalam perolehan kerajaan.